



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

Wisma Badan Peguam Malaysia  
2 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2050 2019  
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 421/2020  
Dated 30 Nov 2020**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

**Hearing of Petition for Admission as an Advocate and Solicitor of  
the High Court of Malaya via Video Conferencing**

We refer to [Circular No 402/2020](#) entitled “Proposal for Virtual Hearing of Petition for Admission as an Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya” dated 16 Nov 2020.

Please be informed that petitions for admission as an advocate and solicitor of the High Court of Malaya will be heard via video conferencing during the implementation of the conditional movement control order (“CMCO”), starting with the Kuala Lumpur High Court and the Shah Alam High Court from 2 Dec 2020 onwards.

Please click [here](#) (see page 2 onwards) to view the media statement issued by the Chief Registrar’s Office of the Federal Court of Malaysia dated 19 Nov 2020 and the guideline issued by the Registrar’s Office of the High Court of Malaya.

We hope that the information provided here is of assistance to Members and pupils. We will update Members and pupils as and when there are new developments.

Stay safe.

**A G KALIDAS  
Secretary  
Malaysian Bar**



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK DAN  
MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAMBELA DAN  
PEGUAMCARA DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA (LONG CALL) SECARA SIDANG  
VIDEO SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan akses kepada keadilan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) dapat dilaksanakan. Bermula Mac 2020, pendengaran dan perbicaraan kes secara sidang video adalah antara norma baharu ke arah pendigitalan teknologi yang dilaksanakan oleh Badan Kehakiman Malaysia sejajar dengan keperluan semasa dan kepentingan pemegang-pemegang taruh.

Sehubungan itu, Badan Kehakiman Malaysia mengorak langkah lagi dengan memperkenalkan Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Long Call*) Secara Sidang Video semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sebagai perintis, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Shah Alam akan memulakan pendengaran Permohonan tersebut secara dalam talian pada 2 Disember 2020.

Sebagai langkah ke arah itu, Badan Kehakiman Malaysia akan mengadakan sesi perbincangan bersama pemegang-pemegang taruh bagi mendapatkan maklum balas dalam persediaan bagi pendengaran permohonan tersebut dan seterusnya mengeluarkan Garis Panduan.

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif ini dapat memastikan Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Long Call*) dapat didengar pada kadar yang segera walaupun dalam situasi pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan pada masa ini. Badan Kehakiman Malaysia percaya penggunaan teknologi secara optimum seperti ini adalah salah satu cara terbaik bagi memastikan pentadbiran keadilan dapat diberikan kepada semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 19 November 2020**

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK  
MENERIMA MASUK DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI  
PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA (*CALL TO THE BAR*)  
DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA SECARA SIDANG VIDEO  
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

**1. PENGENALAN**

Garis Panduan ini disediakan bagi menggariskan prosedur pendengaran permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Call to the Bar*) secara sidang video semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

**2. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini adalah terpakai bagi semua pendengaran permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya secara sidang video bagi pendengaran yang dijalankan di Mahkamah Tinggi Malaya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

**3. TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh mula kuat kuasa Garis Panduan ini mulai **2 Disember 2020**.

**4. PANDUAN PRA-PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA (*CALL TO THE BAR*) DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA SECARA SIDANG VIDEO**

4.1 Pempetisyen akan mengekstrak Notis Perbicaraan yang telah diproses beserta surat makluman daripada pihak Mahkamah berkaitan pengendalian prosiding permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya secara sidang video yang mengandungi maklumat seperti berikut:-

- i. tarikh, masa dan nama YA Hakim yang akan mendengar permohonan;
- ii. panduan pengendalian pendengaran permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Call to the Bar*) secara sidang video;
- iii. pihak-pihak perlu memuat turun aplikasi sidang video yang akan digunakan;
- iv. pautan beserta "*ID*" dan "*Meeting Password*" sidang video akan dimaklumkan kemudian;
- v. Pempetisyen dan peguam pengusul sahaja yang dibenarkan untuk menyertai prosiding daripada lokasi masing-masing;
- vi. tempoh masa ucapan peguam pengusul Pempetisyen akan ditentukan oleh YA Hakim yang bersidang; dan
- vii. tiada sesi penjubahan dan bergambar bersama YA Hakim selepas prosiding tamat.

4.2 TP/PKP juga akan memaklumkan Jabatan Peguam Negara, Badan Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Peguam Negeri melalui e-mel maklumat-maklumat berikut:-

- i. tarikh, masa dan nama YA Hakim yang akan mendengar permohonan;
- ii. panduan pengendalian pendengaran permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai

Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya (*Call to the Bar*) secara sidang video;

- iii. pihak-pihak perlu memuat turun aplikasi sidang video yang akan digunakan;
- iv. pautan beserta “ID” dan “*Meeting Password*” aplikasi sidang video; dan
- v. sesalinan senarai kausa (*cause list*) permohonan-permohonan yang terlibat.

4.3 Pemakluman pada para 4.2 di atas akan dibuat sekurang-kurangnya **tiga (3) hari bekerja** sebelum tarikh pendengaran.

4.4 TP/PKP hendaklah memaklumkan kepada Pempetisyen dan pihak-pihak yang terlibat secara e-mel berkaitan maklumat pautan beserta “ID” dan “*Meeting Password*” aplikasi sidang video sekurang-kurangnya **tiga (3) hari bekerja** sebelum tarikh pendengaran.

## **5. PANDUAN PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK DAN MENDAFTARAKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA (*CALL TO THE BAR*) DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA SECARA SIDANG VIDEO**

5.1 Pihak Mahkamah akan menjalankan satu sesi ujian bagi menentu nilai tahap kesiap siagaan peralatan dan rangkaian pihak-pihak yang terlibat **satu (1) hari** sebelum tarikh prosiding.

5.2 TP/PKP akan bertindak sebagai penganjur (*host*) bagi pendengaran permohonan untuk menerima masuk dan mendaftarkan Pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya secara sidang video tersebut.

- 5.3 Pempetisyen, peguam pengusul, wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Badan Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Peguam Negeri akan berada di pejabat masing-masing semasa prosiding dijalankan secara sidang video.
- 5.4 Tayangan langsung prosiding ini boleh ditonton melalui Portal Badan Kehakiman dan aplikasi Youtube, Facebook dan Instagram.
- 5.5 Prosiding akan dimulakan setelah YA Hakim selesai mendaftar masuk (*log in*) ke dalam pautan yang disediakan dan menjemput pihak-pihak untuk memulakan prosiding.
- 5.6 Pempetisyen dan pihak-pihak hendaklah sentiasa mematuhi etika dan “*decorum*” sebagaimana prosiding di dalam Mahkamah Terbuka sepanjang tempoh pendengaran permohonan secara sidang video dikendalikan.
- 5.7 TP/PKP hendaklah memastikan keseluruhan prosiding pendengaran permohonan secara sidang video ini direkodkan dengan menggunakan fungsi rekod rakaman yang disediakan dalam aplikasi sidang video tersebut.

## **6. PANDUAN PASCA PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA (*CALL TO THE BAR*) DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA SECARA SIDANG VIDEO**

- 6.1 Prosiding akan ditamatkan hanya setelah YA Hakim meninggalkan (*leave*) prosiding dalam aplikasi sidang video tersebut.
- 6.2 Pihak-pihak yang berhasrat untuk mendapatkan sesalinan rakaman prosiding secara sidang video tersebut bolehlah membuat permohonan melalui e-mel kepada pihak mahkamah untuk tindakan selanjutnya.

## 7. SENARAI PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

### **Mahkamah Tinggi Malaya**

Puan Hasbi binti Hasan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

03-88803702 / 012-2098648 / [hasbi@kehakiman.gov.my](mailto:hasbi@kehakiman.gov.my)